

# Keutuhan kejujuran Datuk Hussein

## SAMBUNGAN SEMALAM

Tetapi alat yang paling penting kepada beliau terletak di sebelah kanan — sebuah kotak plastik kuning yang berisi sebatang pensel pendek tetapi tajam, sebilah pisau lama untuk membuka surat, sebatang pen sederhana bermata lembut untuk menandatangani surat dan pembaris 6 incinya yang terkenal — pembaris plastik putih yang kedua belah telah diliputi dakwat merah (akibat penggarisan yang telah dibuat oleh Datuk Hussein selama ini.)

Di dinding tergantung 3 cogankata yang sungguh bernilai dalam hidupnya. Satu tulisan hitam terang yang berbunyi 'Tugas ku dan tugasmu adalah membina masa depan negara.'

Tulisan ini tergantung di tiang bertentangan meja panjang di mana beliau menjalankan mesyuarat dengan rakan-rakan Kabinet dan lain-lain pembantu.

Di tiang yang lain tergantung kata-kata dari zaman akademi tentera di India di awal 40an. 'Keselamatan, kehormatan dan kebajikan negara kamu, harus diutamakan, sentiasa dan setiap masa; keselamatan, kese-

jahteraan dan kebajikan orang-orang di bawah perintah kamu adalah penting; Keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan kamu sendiri adalah yang lebih penting, sentiasa dan setiap masa.'

Di tiang sebelah kerusi yang di mana beliau menerima tetamu tergantung satu cogankata mencerminkan latihan perundangannya. 'Peguam... menyesuaikan kepercayaannya dengan keperluan abadi, keberanian keadilan.'

Tidak sedikitpun kerap difikirkan sesia mengenai keutuhan kejujuran dan dedikasi Hussein. Kata-kata pembantu

yang telah bekerja dengan beberapa orang Menteri lain. "Saya tidak pernah bertugas dengan seorang yang lebih berdedikasi dan jujur dari Datuk Hussein. Apa yang dilakukannya adalah untuk kepentingan negara. Keutuhan beliau tidak boleh dipersoalkan. Sungguh mengagumkan."

Bellau tidak berminat pada kemegahan diri atau kuasa. Oleh itu beliau menjelaskan kepada pembantu-pembantunya bahawa beliau mahu mereka setia bukan kepada beliau, tetapi kepada jawatan Perdana Menteri.

"Pemimpin serupa ini jarang didapati," kata

Datuk Shahrir. "Ini bermakna kita tidak memanjakan dan memuja beliau."

Konsep 'kesetiaan' bagi Datuk Hussein bermaksud kita jangan menyembunyikan sesuatu dari beliau. Kita terangkan segala-galanya dan beliau akan mengekalkan sikap objektif kita.

"Kita tidak menyembunyikan berita tak baik kerana tidak mahu melukakan perasaan beliau atau tidak mahu beliau tak lelah tidur. Itu semua kesetiaan pada diri pemimpin, dan menyebabkan kita memberi maklumat yang tidak betul kepada pemimpin."

"Tidak kepada Datuk

Hussein. Hinggakan bila beliau melantik seseorang, beliau tidak pernah bertanya sekiranya orang itu akan menyokong atau menentang beliau. Beliau tidak pernah mengharapkan kesetiaan peribadi. Beliau selalu menegaskan tentang keutuhan dan kejujuran. Sekiranya beliau mendapat tahu seseorang menyalahgunakan kepercayaan yang telah diberikan, itu menandakan putusnya perhubungan. Beliau percaya, tanpa keutuhan dan kejujuran, seseorang itu oportunist semata-mata."

Tepat pada kata-katanya, beliau yang per-

nah menyatakan sekiranya tidak dapat memberikan 100 peratus perhatian terhadap tugasnya, beliau akan meletakkan jawatan. Benar-benar kini akan berhenti.

Orang lain yang kurang kalibarnya pasti mahu mengekalkan kuasa yang ada padanya dan membiarkan timbalannya membuat segala kerja. Tapi tidak Datuk Hussein Onn, seorang perajurit yang berdisiplin, peguam yang adil dan lebih dari itu, seorang negarawan yang tidak dapat dipersoalkan keutuhannya.

Bila beliau ditanya mengapa kembali

bertugas ketika beliau seharusnya mengambil cuti rehat secukupnya selama tiga bulan, beliau berkata, "Bagaimana saya boleh berbuat demikian. Saya Perdana Menteri. Saya tidak boleh duduk di rumah dan berehat."

Sekarang, segala tanggungan yang dipikul penuh dedikasi oleh Datuk Hussein dalam tempoh 2,000 hari lalu telah berakhir. Kita hanya boleh mengucapkan supaya beliau berehat sepenuhnya setelah berkhidmat demikian cemerlang, dan akan mengisi hidupnya dengan kebahagiaan.